

**Pemikiran Pendidik Guru
Terhadap Hasrat Dan Pelaksanaan Inovasi Kurikulum
Di Maktab Perguruan: Satu Kajian Kes**

Oleh

Baharudin Bin Yaacob
Maktab Perguruan Sultan Abdul Halim
Sungai Petani, Kedah.

ABSTRAK

Kajian telah dikendalikan dalam konteks 'inquiry' mengenai hasrat inovasi kurikulum yang dilaksanakan di maktab perguruan. Matlamat kajian untuk memahami hasrat yang menentukan corak keseluruhan kurikulum yang diajar di dalam bilik darjah. Antara hasrat dan amalan yang dipraktikkan, ada ruang yang membolehkan pendidik guru di maktab perguruan membuat keputusan dan pemilihan. Kajian bermatlamat memahami sejauhmana pemikiran pendidik guru mempengaruhi pelaksanaan inovasi kurikulum di maktab perguruan. Tumpuan kajian adalah bagaimana pendidik guru mengubah kurikulum yang dihasratkan kepada kurikulum yang dilaksanakan di dalam bilik darjah yang menggambarkan situasi sebenar pelaksanaannya di maktab perguruan. Halangan diambil kira bagi memahami faktor-faktor yang menghalang usaha pelaksanaan inovasi kurikulum ini. Empat buah maktab perguruan dipilih untuk melaksanakan kajian kes ini. 49 pendidik guru terlibat dalam menjawab soal selidik yang mempunyai enam bahagian. Lapan orang daripadanya dipilih untuk pemerhatian pengajaran dan temubual. Data dianalisis berdasarkan lima elemen kebiasaan pengajaran. Dapatan kajian menunjukkan bahawa ideologi, pengetahuan kraf profesional serta hasrat peribadi pendidik guru telah mempengaruhi pelaksanaan inovasi kurikulum. Jurang wujud antara kurikulum yang dihasratkan dengan yang hendak dilaksanakan. Cadangan dikemukakan agar pelaksanaan inovasi kurikulum akan datang mempertimbangkan pemikiran pendidik guru bagi memastikan inovasi kurikulum yang mahu diperkenalkan di maktab perguruan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

1.1 Pengenalan

Pada tahun 1998, Kurikulum Latihan Guru Sekolah Bestari (KGLSB) yang merupakan satu inovasi kurikulum dalam latihan guru telah diperkenalkan oleh Bahagian Pendidikan Guru (BPG), Kementerian Pendidikan Malaysia (BPG, 1998a). Program latihan guru bestari memainkan peranan yang penting malah merupakan faktor utama yang akan menentukan kejayaan Sekolah Bestari (Siti Hawa Ahmad, 1997). Dalam konteks Malaysia, idea Sekolah Bestari adalah sesuatu yang baru. Program yang wujud daripadanya juga merupakan satu inovasi pendidikan. Menerusi Sekolah Bestari, perubahan sistemik diharap dapat dilakukan terhadap sistem pendidikan negara daripada aspek kurikulum, sistem penilaian, pengurusan dan latihan guru.

1.2 Pernyataan Masalah

Clark dan Yinger (1977) menyatakan apa yang dibuat oleh guru dipengaruhi oleh pemikiran mereka. Sikap dan kefahaman guru terhadap sesuatu inovasi adalah faktor penting dalam menentukan kejayaan pelaksanaannya. Sesuatu inovasi pendidikan itu tidak akan tercapai matlamatnya jika tiada perubahan nilai dan kepercayaan di kalangan pelaksana dalam melaksanakan inovasi tersebut. Pendapat ini

telah menyokong idea yang dikemukakan oleh Brown dan McIntyre (1993) bahawa 'telah banyak berlaku kegagalan dalam inovasi kurikulum pada masa yang lepas, salah satunya mungkin kerana inovasi tidak mengambil kira bagaimana guru mentaksir apa yang sebenarnya berlaku di dalam bilik darjah dan kegagalan untuk menentukan di manakah guru seharusnya bermula.'

Kajian terhadap pelaksanaan inovasi kurikulum peringkat sekolah Malaysia telah menunjukkan pelaksanaannya iaitu guru telah mengubah inovasi sehingga terdapat banyak perbezaan antara apa yang diamalkan di bilik darjah dengan apa yang dikehendaki oleh kurikulum. Umpamanya Projek Penilaian KBSR (Azizah, 1987; Noor Azmi, 1988), Sains Panduan (Charlesworth, 1975), Sejarah (Napsiah, 1993, Tan, 1997) dan Biologi Moden (Zainal, 1989).

Kajian oleh Azizah (1987) telah mendapati inovasi kurikulum KBSR telah menemui pelbagai masalah dari segi pelaksanaan. Empat faktor dikenali pasti menyukarkan pelaksanaan inovasi kurikulum. Faktor-faktor itu ialah kekurangan latihan dan profesionalisme di kalangan kebanyakan kakitangan pendidikan, pelaksanaannya yang terlalu cepat (*hasty*), faktor kawalan pusat dan struktur organisasi yang berbentuk hierarki dalam pendidikan dan akhir sekali faktor konteks sosio ekonomi Malaysia sendiri.

Sharifah dan Lewin (1991) menimbulkan isu jurang perbezaan antara yang dihasratkan dengan pelaksanaan oleh kehadiran dua budaya yang berlainan antara perancang dan penggubal kurikulum dengan guru-guru. Bagi pihak perancang dan penggubal kurikulum, mereka mempunyai budaya yang lebih berorientasikan teori, abstrak, idealistik, berpandangan jauh, kemaskini dan akademik. Sebaliknya pelaksana iaitu guru dipengaruhi oleh pelbagai budaya sekolah yang menghadapi pelbagai masalah pengajaran di dalam bilik darjah. Pendapat ini disokong oleh Shaver, Davis dan Helburn (1980) yang menekankan peranan guru serta kepercayaannya amat penting dalam mewujudkan situasi sebenar bilik darjah yang menentukan kejayaan atau kegagalan pelaksanaan sesuatu inovasi kurikulum itu. Haris (1993) telah berupaya menimbulkan tiga kelemahan. Pertama, guru tidak bersedia untuk melaksanakan kurikulum baru yang menyebabkan realiti pengajaran dan pembelajaran di sekolah jauh daripada apa yang bakal disarankan oleh kurikulum yang berkenaan. Kedua, tidak ada ruang untuk guru memberi pendapat mengenai kurikulum baru menyebabkan tidak ada kehairahan pada pihak guru untuk menyambutnya dan melaksanakannya. Ketiga, pengetahuan mengenai kurikulum baru diperolehi dari sumber kedua atau ketiga (*cascading model*) yang secara tidak langsung mengurangkan kefahaman guru dalam melaksanakannya dengan berkesan. Rumusannya, kefahaman guru mengenai sesuatu inovasi kurikulum baru adalah penting bagi melihat kejayaan pelaksanaannya. Kegagalan pelaksanaan dalam menjalankan misi ini pasti menimbulkan kesan yang tidak baik kepada bakal penerimanya iaitu murid sekolah.

Jurang antara yang dihasratkan dengan apa yang dilaksanakan begitu ketara kerana guru didapati tidak tahu bagaimana hendak menyelaras dan mengintegrasikan amalan bilik darjah dan kepercayaan mereka dengan pernyataan hasrat. Justeru itu mereka tidak dapat memikirkan cara untuk menyelesaikan kekurangan yang dihadapi serta membuat sebarang perubahan seperti yang dikehendaki oleh perancang dan penggubal kurikulum.

1.3 Kepentingan Kajian

Kajian ini berhasrat untuk memberi implikasi yang penting terhadap peningkatan pendidikan guru di maktab perguruan dan memperlihatkan faktor-faktor yang boleh menyebabkan perbezaan yang wujud antara teori dan amalan yang sebenar di dalam bilik darjah.

1.4 Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk memahami apakah situasi yang sebenarnya berlaku di maktab perguruan iaitu inovasi kurikulum (KLGSB) yang beroperasi yang mencerminkan realiti bilik darjah di maktab perguruan dan menyelidik sejauhmanakah kepercayaan, nilai dan sikap pendidik guru mempengaruhi pelaksanaan inovasi kurikulum yang berkenaan.

1.5 Persoalan Kajian

Kajian ini cuba menjawab persoalan-persoalan yang dikemukakan seperti berikut:

- i) Sejauhmanakah kepercayaan, nilai dan sikap pendidik guru mempengaruhi pelaksanaan inovasi kurikulum di maktab perguruan?
- ii) Sejauhmanakah pengetahuan kraf profesionalisme pendidik guru mempengaruhi pelaksanaan inovasi kurikulum di maktab perguruan?
- iii) Sejauhmanakah pemikiran pendidik guru terhadap pernyataan hasrat inovasi kurikulum mempengaruhi pelaksanaan inovasi kurikulum di dalam bilik darjah di maktab perguruan?
- iv) Apakah faktor-faktor yang menghalang pernyataan hasrat inovasi kurikulum daripada dilaksanakan di maktab perguruan?
- v) Apakah faktor-faktor yang menggalakkan pelaksanaan inovasi kurikulum di maktab perguruan?

1.6 Model Kerangka Teori

Model Kerangka Teori Kajian ini adalah hasil dari kombinasi tiga model yang diubahsuaikan iaitu Model Kurikulum Raynor (1972), Model Proses Pemikiran Guru dan Tindakan oleh Clark dan Peterson (1986) dan '*Model In Action*' oleh John, P. (1991). Gabungan ketiga-ketiga model ini menjadi satu rangka konseptual kajian yang bersifat khusus dan dapat menunjukkan hubungan antara faktor yang terlibat secara langsung yang mempengaruhi pemikiran pendidik guru dalam melaksanakan kurikulum di dalam bilik darjah. Model Kerangka Teori Kajian ditunjukkan dalam Rajah 1.1(Lampiran 1).

1.7 Batasan Kajian

Kajian terbatas kepada tinjauan, pemerhatian, temubual dan penyemakan dokumen terhadap pendidik guru yang mengendalikan Kurikulum Latihan Sekolah Bestari di maktab perguruan sahaja.

2.1 TINJAUAN BACAAN

Kajian pemikiran pendidik guru terhadap pelaksanaan sesuatu kurikulum yang sedang dilaksanakan memberi makna yang lebih mendalam mengenai situasi sebenar yang berlaku dalam bilik darjah. Diakui seorang guru telah memainkan peranan yang penting dalam mengembangkan kurikulum kerana setiap keputusan dan tingkahlaku guru membekalkan sebahagian daripada pengalaman pelajar-pelajar di sekolah (Schubert,1986).

Sejak tahun 1980an, banyak inovasi kurikulum telah diusahakan dan dilaksanakan lebih-lebih lagi pada tahun 1960an dan 1970an merupakan tahun-tahun yang memberikan penumpuan terhadap proses pelaksanaan kurikulum (Fullan, 1991; Berman dan McLaughlin, 1978). Pada ketika itu, banyak usaha dilakukan untuk memperkembangkan kurikulum dan inovasi kurikulum ini. Fullan (1991) mendapati kebanyakan usaha perkembangan kurikulum ini tidak dilaksanakan dalam amalannya. Berman dan McLaughlin (1978) juga mendapati hampir semua kajian yang dibuat, penerimaan program kurikulum bukan menjadi isu utama tetapi masalah pelaksanaan terhadap kurikulum yang diterima menguasai hasil dan kejayaan semua projek yang dikaji. Secara relatifnya, tidak banyak idea yang telah berjaya dilaksanakan di dalam bilik darjah sedangkan pelaksanaan kurikulum merupakan agenda dan matlamat yang penting dalam sistem pendidikan.

Dalam usaha untuk melaksanakan sesuatu inovasi, wujudnya dua faktor utama iaitu kekangan yang akan menghalang dan peluang yang menggalakkan inovasi itu. Kekangan merupakan faktor-faktor yang menghalang kepada pencapaian matlamat yang telah ditetapkan pada akhir pengajaran. Peluang pula merujuk kepada faktor-faktor yang menggalakkan pencapaian matlamat akhir yang telah ditetapkan (Taylor et al, 1974).

Miles (1965) telah mengemukakan beberapa pendapatnya mengenai peluang-peluang bagi seseorang guru melaksanakan inovasi. Untuk mencapai satu dasar sistem perubahan, sesuatu organisasi itu perlulah memiliki sepuluh elemen bagi memperolehi satu organisasi yang sihat. Elemen-elemen itu ialah matlamat yang jelas, kelengkapan komunikasi, kesamarataan kuasa maksima iaitu antara pentadbir (pengetua) dan guru, penggunaan sumber-sumber dengan optima, guru yang menyayangi institusi dan rakan sejawat, semangat guru yang tinggi, inovatif, otonomi, adaptasi dan kelengkapan untuk menyelesaikan masalah. Dalam kajiannya '*Purpose, Power and Constraint in Primary School*

Curriculum', Taylor et al (1974) telah memperincikan kekangan kepada lima aspek iaitu, fizikal yang merujuk kepada bangunan, kemudahan dan peralatan; sekolah iaitu batasan yang muncul dari keadaan fizikal dan psikologikal sekolah.; staf iaitu batasan kepada guru yang meliputi keupayaan, latihan dan tingkahlaku di dalam kelas dan tingkahlaku di dalam sekolah; polisi pula adalah batasan hasil dari polisi pendidikan tempatan dan juga kebangsaan; pelajar-pelajar iaitu batasan latar belakang keluarga, umur, sikap dan kepercayaan.

Namun, pelaksanaan kurikulum di bilik darjah tetap ditentukan oleh guru kerana guru ialah orang yang membuat keputusan sama ada hendak melaksanakan atau menentang kurikulum tersebut (Anna Christina, 1989). Zainal (1988) mendapati bahawa penghujung proses pelaksanaan bukan persoalan tentang penerimaan atau penentangan inovasi, tetapi penggubahsuaian untuk memenuhi keperluan dan halangan. Kajian-kajian oleh Siti Hawa (1986), Charlesworth (1975), Wright (1987) dan Zainal (1988) menunjukkan guru telah mengubahsuaikan aspek-aspek kurikulum yang dianggap kurang sesuai mengikut kemampuan sendiri.

Beberapa faktor yang menyebabkan fenomena ini berlaku. Antaranya ialah ketiadaan latarbelakang yang kukuh dalam isi kandungan (Hurd, 1982; Franz & Enochs, 1982), kemudahan-kemudahan dan peralatan-peralatan yang tidak mencukupi (Helgeson et.al.1977; Wiess, 1978), kelemahan dari segi 'instructional leadership' (Edmunds, 1979; Fitch & Fisher, 1979), dan sikap guru (Morrisey, 1981; Koballa & Crawley, 1985). Clark dan Peterson (1986) juga bersependapat bahawa proses pemikiran guru dipengaruhi oleh kehendak atau tuntutan tugas dan persepsi guru mengenai tugas tersebut. Kekangan dan peluang dikaitkan dengan tuntutan tugas seorang guru.

Kesimpulan dari kajian-kajian yang diketengahkan memperlihatkan inovasi kurikulum memberi implikasi kepada kurikulum dan organisasi institusi pendidikan serta menyebabkan jurang antara hasrat dan realiti. Oleh itu, pemahaman pendidik guru yang terlibat dalam pelaksanaan inovasi kurikulum mendekatkan lagi jurang di antara hasrat dan realiti.

Kajian pemikiran pendidik guru dibuat kerana penting bagi meningkatkan dan memajukan pengajaran dan pendidikan profesional pendidik guru sendiri. Fentersmacher (1986) berpendapat bahawa hasil penyelidikan pemikiran guru banyak membantu menambahkan pengalaman melalui percanggahan pendapat, di mana penyelidikan empirikal dapat berfungsi untuk menjelas, menguji dan memaklumkan dasar atas mana-mana pendapat yang dibentuk. Clark (1988), menyatakan bahawa kajian terhadap pemikiran guru telah memainkan peranan penting dengan membekalkan para guru kepada arah tuju pemikiran mengenai pendidikan profesional dan menggalakkan guru menyoal amalan mereka sendiri dan dapat memandu usaha untuk membantu guru-guru baru. Kajian yang sebegini dapat memahami dan menginterpretasi cara-cara guru memberi makna dan mengadaptasi serta bagaimana membina persekitaran pendidikan dalam institusi pendidikan dan bilik darjah.

Mengikut Floden dan Klinzing (1990), kajian pemikiran guru dapat mempertingkatkan pemahaman terhadap pemikiran guru bahawa ia mempunyai potensi memberi prinsip-prinsip sebagai asas guru untuk masa depan. Melalui kajian pemikiran guru juga dapat membantu menyelidiki sejauhmana penerimaan atau penolakan oleh guru terhadap sesuatu inovasi kurikulum yang diperkenalkan itu.

Kajian pemikiran guru merupakan satu pendekatan yang agak baru dan kemunculannya dikatakan hasil daripada reaksi para penyelidik terhadap ketidakpuasan hati mereka terhadap pendekatan tingkah laku (*behaviorist*) dalam mengkaji proses pengajaran. Mengikut Shulman (1986) dalam '*Third Handbook of Research on Teaching*', pendekatan ini pada awalnya memperlihatkan fokus yang sempit dan terpengaruh dengan kajian yang berkaitan dengan proses-hasil, malah secara langsung tidak produktif kepada pengajaran dan pendidikan guru. Kritikan banyak ditumpukan kepada tahap metodologi, alat penyelidikan, teoritikal dan dasar ideologi yang gunakan. Situasi sebegini tidak dapat dielakkan lebih-lebih lagi pada era 1970an kebanyakan kajian menumpukan kepada proses-hasil kerana terdapat andaian yang dibuat bahawa pengajaran di dalam bilik darjah boleh diperbaiki pada kejituan menguji alat pengukur.

Dalam memahami aspek mengajar, kajian terpenting adalah kajian terhadap guru semasa pengajaran interaktif (Brown dan McIntyre, 1993). Clark dan Peterson (1986) melaporkan bahawa semasa pengajaran, guru memfokuskan pemikiran mereka terutamanya kepada pelajar-pelajar kemudiannya kepada prosedur-prosedur atau strategi yang mereka gunakan. Mereka telah memeriksa bukti-bukti model membuat keputusan interaktif guru yang dibuat oleh Peterson dan Clark (1978) dan Slavelson dan Stern (1981). Kedua-dua model ini mengandaikan bahawa guru mempunyai urutan aktiviti-aktiviti yang telah ditentukan lebih dahulu dan keputusan melibatkan pemilihan alternatif-alternatif ini. Dapatan juga memperlihatkan bahawa guru hanya akan membuat keputusan apabila rutin mereka diganggu oleh pelajar-pelajar yang tidak memperlihatkan tingkahlaku-tingkahlaku yang sesuai.

Kini terdapat kecenderungan kajian pemikiran guru yang memberi keutamaan kepada pemikiran guru sewaktu mengajar di dalam bilik darjah. Kepentingannya semakin meluas dan memperkayakan pengetahuan kita terhadap aspek mengajar (Clark dan Lampert, 1986). Kajian sebegini dapat memberi kepekaan kepada para pendidik terhadap kaedah atau cara bagaimana mereka dapat memikirkan pendidikan sebagai profesional serta menggalakkan mereka menyoal mengenai amalan mereka sendiri dan seterusnya memantau usaha-usaha mereka membantu guru-guru pelatih (Clark, 1988). Floden dan Klinzing (1990) telah memberi maklum balas terhadap pernyataan Clark dengan menegaskan bahawa kajian pemikiran guru bukan setakat memberi kepekaan kepada guru-guru mengenai isu-isu pendidikan tetapi juga berkaitan dengan peningkatan pemahaman terhadap pemikiran guru memainkan peranan yang lebih konstruktif dan berpotensi dalam memberi prinsip-prinsip sebagai asas dalam pendidikan perguruan akan datang.

Kajian terhadap struktur pemikiran guru seharusnya meliputi konstruk-konstruk yang mewakili aspek-aspek yang paling asas dalam pemikiran guru, yang mendasari kepercayaan, nilai dan sikap. Oberg (1986) telah mengusulkan teori konstruk sebagai kaedah untuk kajian perkembangan profesionalisme guru. Beliau telah mengenalpasti lima kategori yang penting dalam menjelaskan set konstruk yang diperolehi oleh guru. Kategori tersebut merupakan kebiasaan bersama yang telah didapati dari sampel-sampel kajian pemikiran guru. Lima kategori tersebut ialah peranan guru, pelajar, pembelajaran, kandungan pelajaran dan persekolahan. Di sini peranan guru dilihat dari aspek hubungan guru dengan pelajar dan konteks sekolah. Pembelajaran pula berfokus kepada interaksi guru dan pelajar. Ini ada hubungan dengan proses yang diusahakan oleh guru dalam pembelajaran pelajar-pelajar. Persekolahan pula merujuk kepada '*milieu*' yang lebih luas dan mendefinisikan kekangan dan ekspektasi dalam persekitaran tempat kerja guru.

Kajian ini menggunakan konstruk dan kategori yang dibina Oberg (1986) dalam kajiannya untuk menjelaskan pengetahuan praktikal peribadi pendidik guru. Ia sesuai digunakan kerana membentangkan satu set elemen-elemen yang komprehensif dan merangkumi semua amalan guru. Konstruk-konstruk dikenalpasti mewakili aspek yang paling asas dalam pemikiran guru. Bagi kajian ini, konstruk pemikiran pendidik guru diubahsuai semula oleh penyelidik dengan '*Model In Action*' oleh John (1991). Elemen-elemen yang dipentingkan ialah kandungan kurikulum (KLGSB), pengajaran, guru peserta kursus dan pembelajaran, konteks institusi (maktab perguruan) dan pendidikan secara umum. Penyelidik cuba membongkar pemikiran pendidik guru mengenai kepentingan yang digunakan kepada elemen-elemen tersebut. Perlafazan pemikiran pendidik guru mengenai elemen-elemen yang penting dalam pengajaran kurikulum latihan guru menggambarkan kepercayaan, nilai dan sikap pendidik guru mengenai KLGSB ini.

3.1 METODOLOGI KAJIAN

Kajian dilaksanakan bagi memahami bagaimana sebenarnya sesuatu inovasi kurikulum (KLGSB) itu beroperasi di maktab perguruan. Tumpuan kajian kepada pemikiran pendidik guru yang melaksanakan inovasi kurikulum yang dihasratkan dan penyelidik menggunakan kombinasi kaedah kuantitatif dan kualitatif kerana kombinasi kaedah-kaedah ini saling melengkapi dan mengukuhkan dapatan kajian

3.2 Rekabentuk Kajian

Fokus kajian untuk mengetahui pemikiran pendidik guru yang mengajar KLGSB mengenai pernyataan hasrat dan pelaksanaan KLGSB di maktab perguruan di Malaysia. Untuk meneroka pemikiran

pendidik guru supaya pengkaji dapat mendeskripsi pengetahuan, kepercayaan, nilai dan sikap pendidik guru, pendekatan kualitatif telah digunakan. Berasaskan naratif lapan orang pendidik guru melalui temubual semuka, kajian ini berhasrat mencungkil struktur pemikiran pendidik guru khususnya pengetahuan, kepercayaan, nilai dan sikap pendidik guru.

Temubual terbuka membolehkan pengkaji mendapatkan pengetahuan, kepercayaan, nilai dan sikap pendidik guru mengenai pernyataan hasrat dan pelaksanaan KLGSB di maktab perguruan di dalam bilik darjah. Pengkaji merakamkan dan mentranskripsikan empat sesi temubual yang dikendalikan dengan pendidik guru berdasarkan kepada dua pengajaran segmen pelajaran.

Kajian ini juga membuat pemerhatian terhadap pengajaran sebenar dua segmen pelajaran kursus. Tujuannya adalah untuk melihat sama ada kepercayaan dan nilai yang telah dinyatakan oleh pendidik guru mengenai pernyataan hasrat dan pelaksanaan KLGSB benar-benar dilaksanakan di dalam bilik darjah di maktab perguruan. Jika amalan bilik darjah tidak mencerminkan aspek-aspek penekanan yang telah dinyatakan oleh pendidik guru maka pengkaji cuba mencungkil rasional pendidik guru mengenai ketidakselarasan pemikiran dan amalan pendidik guru tersebut melalui temubual. Penganalisaan data dari temubual dan pemerhatian dibuat selepas setiap sesi ini berakhir.

Soal selidik telah digunakan untuk mendapatkan maklumat awal mengenai latarbelakang am, penilaian pelaksanaan pernyataan hasrat, kepercayaan dan sikap pendidik guru terhadap pendidikan secara umum, pelaksanaan dan kekangan yang dihadapi dalam pelaksanaan inovasi KLGSB tersebut. Ini bertujuan membantu pengkaji memfokuskan strategi pengumpulan data secara kualitatif iaitu melalui pemerhatian dan temubual. Fokus kajian kualitatif ini menjurus ke arah mendeskripsi dan menginterpretasi fenomena bilik darjah dari aspek pemikiran pendidik guru yang mengendalikan pengajaran KLGSB.

3.2.1 Sampel Kajian

Kajian ini mengkaji 45 pendidik guru di maktab perguruan yang mengendalikan pelaksanaan KLGSB. Pemilihan sampel berdasarkan '*opportunity sampling*'. Bagi sesi temubual dan pemerhatian pula dua orang pendidik guru yang mengajar dipilih dari setiap buah maktab perguruan (empat buah maktab perguruan) di mana jumlah yang terlibat ialah lapan orang.

3.2.2 Tatacara Kajian

Model '*SODI*' oleh Hafidah (2000) digunakan untuk menyesuaikan pelaksanaan kajian pemikiran guru ini. Dalam model ini *S* merujuk kepada peringkat tinjauan (*survey*), *O* adalah peringkat pemerhatian (*observation*), *D* adalah peringkat penyemakan *dokumen* dan *I* adalah peringkat temubual (*interview*).

3.3 Instrumen

Empat instrumen telah digunakan dalam mengumpul data kajian ini iaitu soal selidik, dokumen-dokumen (Modul Pelaksanaan KLGSB di Maktab Perguruan dan Buku Rekod Pendidik Guru), temubual dan pemerhatian.

a) Soal Selidik Pendidik Guru

Soal selidik telah dibentuk dengan soal selidik Tan (1977) dan Lee et al (1998) telah menjadi rujukan utama. Kesahan dalam kesemua soal selidik ditentukan melalui semakan dan pemeriksaan isi kandungan dan bahasa oleh dua orang jurulatih utama Kurikulum Latihan Guru Sekolah Bestari dari Bahagian Pendidikan Guru (BPG), Kementerian Pendidikan Malaysia. Kajian rintis telah dijalankan di sebuah maktab perguruan di Pulau Pinang dan hasilnya Cronbach Alpha bagi semua soal selidik melebihi 0.850.

b) Pemerhatian

Pemerhatian dibuat berdasarkan kerangka '*Struktur Aktiviti Segmen Pelajaran*' yang dibentuk oleh Burn dan Anderson (1987) dan Teori Konstruksi Pengetahuan Praktikal Peribadi yang dibentuk oleh

Oberg (1986). Kedua-dua kerangka digunakan kerana ia saling melengkapi dan membolehkan pengumpulan data yang boleh diuruskan untuk dianalisis.

c) Temubual

Temubual merupakan satu kaedah yang melengkapkan kaedah pemerhatian, ia membantu pengkaji untuk membuat tafsiran terhadap perkara-perkara yang tidak dapat dilihat atau tidak jelas. Kerlinger berpendapat temubual boleh digunakan untuk mengesahkan kaedah-kaedah lain atau untuk '*go deeper into the motivations of respondents and their reasons for responding as they do*' (Cohen dan Manion:1992).

d) Analisa Dokumen

Dua dokumen utama telah dianalisis iaitu modul pelaksanaan KLGSB di maktab perguruan dan buku rekod perancangan pendidik guru sebagai rujukan. Tujuannya adalah untuk melihat pengoperasian pernyataan hasrat yang telah ditulis oleh pendidik guru sebelum pelajaran dimulakan.

3.4 Pengesahan Alat Ukur

Triangulasi kaedah digunakan iaitu menggunakan lebih daripada satu kaedah pengumpulan data untuk mengkaji satu objek atau fenomena yang sama.

3.6 Pengurusan Data

Pentadbiran soal selidik dibuat oleh penyelidik. Penganalisan data statistik dibuat dengan segera untuk membantu pengkaji memfokuskan pemerhatian dan temubual yang dilaksanakan mengenai pemikiran pendidik guru terhadap pernyataan hasrat dan pelaksanaan KLGSB di maktab perguruan.

3.7 Prosedur Pentadbiran Kajian

Berdasarkan kerangka teori kajian, tahap pertama kajian menumpukan perhatian kepada penganalisan modul pelaksanaan kurikulum latihan guru sekolah bestari. Tahap kedua pula, pengkaji membina alat ukur. Tahap ketiga pengesahan alat ukur. Tahap keempat, penentuan sampel dan maktab-maktab perguruan yang terlibat dalam kajian. Tahap kelima, pengumpulan data secara kualitatif. Tahap keenam, penganalisan data.

3.8 Analisis Data Kajian

Data soal selidik diproses dan dianalisis dengan Pakej Statistik untuk Sains Sosial (SPSS) Versi 10.0.5. Statistik deskriptif seperti peratus, min dan sisihan piawai digunakan untuk menjelaskan tumpuan pernyataan hasrat pendidik guru, kepercayaan dan sikap pendidik guru mengenai pernyataan hasrat dan pelaksanaan KLGSB.

4.0 Dapatan Kajian:

4.1 Analisis Data Kuantitatif

Bahagian 1: Latarbelakang Responden

Dari jumlah responden, 39 lelaki dan 10 perempuan. 41 memiliki ijazah, 4 diploma dan 3 sijil. 19 orang mempunyai pengalaman mengajar lebih dari 20 tahun, 12 orang (16-20 tahun), 14 orang (11-15 tahun) dan 4 orang (kurang dari 10 tahun).

Bahagian 2: Kepentingan Hasrat KLGSB

Tumpuan kepada pernyataan hasrat di mana 5 item yang utama telah dipilih iaitu:

- Item B1(Menyediakan guru bagi menangani perubahan dalam pendidikan),
- Item B2(menjana kekuatan minda bagi melahirkan guru yang reflektif),
- Item B3(memantapkan ketrampilan profesionalisme guru dalam mengaplikasikan pedagogi bestari),

- Item B4(memupuk sikap proaktif dan nilai murni guru yang sejajar dengan tuntutan era teknologi maklumat)
- Item B5(meningkatkan penggunaan pelbagai teknologi secara bestari dalam pengajaran dan pembelajaran di kalangan guru).

Tiga yang terpenting ialah pertama :

- Item B3 (100%)
- Item B5 (87.4%)
- Item B4 (85.7%)
- Item B1 (77.6%)
- Item B2 (63.3%).
- Item B6 (36.7%)

Dari segi pangkatan:

- Item B3(44 orang),
- Item B1(27 orang) dan
- Item B5 (26 orang).

Dapatan bahagian ini memperlihatkan kecenderungan di kalangan pendidik guru yang mempunyai pandangan yang sama mengenai kepentingan hasrat KLGSB.

Bahagian 3: Kepercayaan dan Sikap Pendidik Guru Berkaitan Dengan KLGSB

Kepercayaan dan sikap pendidik adalah positif terhadap KLGSB. Jelas memperlihatkan kecenderungan positif kepada aspek kurikulum, pengajaran dan pembelajaran, inovasi dan perubahan, pendidikan secara umum dan self efficacy. Ada keselarasan dalam aspek kepercayaan pendidik guru dalam bidang berkenaan.

Bahagian 4 : Pelaksanaan KLGSB di maktab perguruan

Banyak pernyataan yang dapat dilaksanakan terutama D7 dan D10 iaitu sikap kerjasama dalam p & p , ruang untuk kreativiti, main peranan dalam perbincangan, cari maklumbalas terkini dan penerangan sistematik.

Bahagian 5 Kekangan Dalam melaksanakan KLGSB di maktab perguruan:

- Arahan pentadbiran: Bilangan waktu mengajar yang banyak (melebihi 16 jam seminggu), beban kerja pentadbiran dan aktiviti maktab.
- Staff: kekangan masa untuk menghadiri kursus dalam perkhidmatan.
- Tahap penyertaan latihan peningkatan staf kurang
- Kesedaran kursus yang kurang.

Bahagian 6: Keadaan-keadaan yang menggalakkan Pendidik Guru melaksanakan KLGSB di maktab perguruan

Terbahagi kepada tiga bahagian:

1. Diri pendidik guru sendiri(moral dan semangat yang tinggi)
2. Kurikulum selari dengan tuntutan semasa
3. Sokongan pihak pentadbiran – kerjasama yang baik dari pentadbir dan bebas tentukan apa yang terbaik untuk guru peserta kursus.

4.2 Analisis Data Kualitatif.

Analisis Data kualitatif (Naratif dari 2 orang dari setiap maktab)

Kes Ali:

Dapatan Soalan Kajian 1:

Pemikiran Ali mempengaruhi pelaksanaan KLGSB. Jelas tumpuan diberikan kepada projek pakej pembelajaran (PPP) yang paling menonjol. Percaya dan pentingkan imej dan peranan untuk dinilai dan keupayaan guru peserta kursus (GPK) menghasilkan projek.

Dapatan Soalan Kajian 2:

Ciri pengetahuan kraf: Struktur pelajaran bagi penglibatan sepenuhnya GPK yang aktif. Dan dapat menjelaskan konsep yang sukar dan baru. Jelas pengetahuan kraf mempengaruhi beliau.

Dapatan Soalan Kajian 3:

Jelas pernyataan hasrat mempengaruhi pelaksanaan KLGSB Ali: Bukti: pemilihan hasrat (soal selidik) dan pengajaran. Ada pertembungan antara kurikulum yang dihasratkan dengan kurikulum yang beroperasi.

Kes Ritzuan:

Dapatan Soalan Kajian 1

Ada keserasian antara soal selidik, temubual dan pemerhatian pengajaran bahawa minat, penerapan nilai dan pemeolehan ilmu adalah faktor penting yang menjadi tunjang pelaksanaan kurikulum dalam kelas.

Dapatan Soalan Kajian 2:

Kraf profesionalisme: menstruktur pelajaran mengikut rutin iaitu teknik menjawab, pembentangan, perkembangan dan tugas. Pengetahuan kontent pedagogi – kepakaran dalam menterjemahkan isi kandungan pelajaran kepada bentuk yang paling mudah difahami oleh GPK. Paling menonjol Ritzuan kekalkan perhatian GPK dengan mengstruktur soalan, mempamerkan pengetahuan praktikal dari aspek liputan kurikulum terhadap kefahaman GPK.

Dapatan Soalan Kajian 3:

Ada pertembungan antara pernyataan hasrat yang dipilih dengan pengoperasian dalam bilik darjah. Ada dinyatakan dalam temubual. Ada keserasian antara pernyataan hasrat dengan pelaksanaan KLGSB.

Kes Ismail

Dapatan Soalan Kajian 1

Kepercayaan Ismail meletak nilai yang tinggi pada penghasilan PPP. Percaya KLGSB penting kejayaan guru dalam PPP pengukur kejayaan KLGSB. memperlihatkan sikap positif dan buat penambahbaikan.

Dapatan Soalan Kajian 2

Kepakaran beliau dalam melibatkan semua GPK dalam aktiviti pengajaran dan GPK dapat mencari maklumat. Buat penerangan disertakan dengan soalan-soalan mudah.

Dapatan Soalan Kajian 3

Dari pemilihan pernyataan hasrat dan data temubual serta pemerhatian jelas semua pernyataan hasrat dapat beroperasi dan selari dengan kurikulum yang tersirat. Pernyataan hasrat peribadi ismail ketika menilai kebolehan GPK melaksanakan apa yang dipelajari adalah seiring dengan hasrat modul KLGSB.

Kes Naina

Dapatan Soalan Kajian 1

1. Percaya KLGSB dapat membantu guru peserta kursus jadi guru bestari yang baik.
2. Percaya faktor kefahaman GPK terhadap kandungan kursus adalah yang paling penting.
3. Percaya kepentingan pengajaran berbantuan multimedia.
4. Sikap positif, hubungan mesra, sikap memberi ruang

Dapatan Soalan Kajian 2:

1. keupayaan memudahkan GPK memahami apa yang disampaikan. Memperlihatkan kepakaran dari segi pengetahuan isi kandungan dengan menggunakan grafik
2. Pemahaman mendalam dalam aspek pengajaran ssi kandungan kurikulum.

Kurikulum yang dilaksanakan adalah selari dengan kurikulum sebenar di mana kurikulum yang dipindahkan dapat dan berjaya dikuasai oleh GPK.

Dapatan Soalan Kajian 3

Ada keserasian antara apa yang difikirkan dengan apa yang dilaksanakan. Pernyataan hasrat yang dipilih turt dilaksanakan dalam kelas.

Kes Abdullah

Dapatan Soalan Kajian 1

Percaya bahawa KLGSB perlu dipelajari dan meletak nilai yang tinggi pada PPP. Namun masih menggunakan kaedah yang lama. Tumpuan lebih kepada pendidik guru dan tidak percaya bahawa GPK dapat mengawal pengajaran dan pembelajaran. Percaya GPK hanya pentingkan fakta sahaja.

Dapatan Soalan Kajian 2:

1. keupayaan meliputi isi kandungan kursus dan berusaha wujudkan suasana pembelajaran yang ceria, tidak tegang, humor.
2. Beri penerangan tentang isi kandungan, cara kuliah dan selitkan soalan(sekali sekala) dan rasional: jimat masa, GPK dapatkan maklumat.

Wujud jurang antara apa yang dibuat dengan apa yang dihasratkan.

Dapatan Soalan Kajian 3:

Pernyataan hasrat yang dipilih tidak beroperasi dalam bilik darjah. Tidak selari pernyataan hasrat dengan apa yang sebenarnya berlaku di dalam bilik darjah.

Kes Mokhtar

Dapatan Soalan Kajian 1:

1. Percaya KLGSB dapat membantu GPK lebih-lebih lagi era globalisasi.
2. Membuat rujukan pada modul adalah penting dan memupuk GPK memberi maklum balas terhadap kefahaman mereka.
3. Pentingkan pengliputan kandungan modul kurikulum menyebabkan pengajaran beliau lebih kepada bergantung kepada fakta sahaja. Malah beliau menganggap kurikulum ini sebagai kurikulum biasa sahaja.

Dapatan Soalan Kajian 2:

Mengekalkan amalan rutin pelajaran dengan laksanakan 3 peringkat pengajaran: pengenalan, perkembangan dan penutup. Penerangan pengetahuan isi kandungan secara bebas dan melibatkan GPK. Permudahkan isi kandungan dengan penjelasan dalam bentuk jadual. Tiada percubaan inovasi, lebih kepada pemberian maklumat dan GPK bergantung kepada pendidik guru. Pengajaran menyimpang daripada kurikulum yang dihasratkan.

Dapatan Soalan Kajian 3:

Dari pemilihan pernyataan hasrat 5 telah dipilih namun hanya 2 sahaja dilaksanakan. Kurikulum yang beroperasi dalam kelas hanyalah liputan isi kandungan yang ada dalam sukatan kurikulum.

Kes Adnan

Dapatan Soalan Kajian 1:

Percaya GPK memahami dan menguasai apa yang telah disampaikan. Percaya bahawa keyakinan GPK ditentukan oleh keupayaan pendidik guru mengajar GPK. Tumpuan kepada penguasaan kemahiran dan PPP dan bagaimana GPK memahami kurikulum.

Dapatan Soalan Kajian 2:

Pengetahuan kraf profesional jelas dalam:

- a. kebolehan beliau dalam mengekalkan pengajaran beliau mengikut rutin.
- b. Pengliputan sukatan pelajaran dan GPK menguasai kemahiran dan persediaan bagi PPP.

Dapatan Soalan Kajian 3:

Pernyataan hasrat selari dengan apa yang wujud dalam kelas. Pernyataan hasrat penting dalam menentukan kurikulum dilaksanakan dalam bilik darjah. Anda keserasian antara pernyataan hasrat dengan pelaksanaan sebenar kurikulum yang dilaksanakan dalam bilik darjah.

Kes Sitarasu

Dapatan Soalan Kajian 1:

1. KLGSB dapat membawa perubahan yang baru ke arah menjadi guru bestari.
2. Pelaksanaan kurikulum adalah faktor tentukan kefahaman GPK.
3. Masih percaya kepada pengajaran tradisi.
4. Tanggungjawab pemebelajaran terletak di tangan GPK sendiri.

Dapatan Soalan Kajian 2:

1. Keupayaan beliau dalam memudahkan aspek pengetahuan isi kandungan pelajaran dan senang dipelajari.
2. Kebolehan beliau dalam mengelaskan dan memudahkan isi kandungan pelajaran dengan menggunakan pengurusan grafik dan penyooalan.

Kurikulum yang beroperasi dalam bilik darjah berbeza dengan apa yang dihasratkan di mana hanya membantu GPK mengingat maklumat atau fakta penting dan apa yang ditekankan adalah hasil dan bukannya proses.

Dapatan Soalan Kajian 3:

Dalam pemilihan pernyataan hasrat beliau mementingkan pengajaran dari aspek afektif. Triangulasi dapatan dari soal selidik jelas memperlihatkan dapatan berbeza dan jurang apa yang difikirkan dengan apa yang dilaksanakan adalah begitu ketara.

5.0 Perbincangan

5.1 Penemuan Konsep Baru Dalam Dapatan Kajian

a) Projek Pakej Pembelajaran (PPP)

Inovasi kurikulum beri tumpuan pada hasil (PPP) menyebabkan pendidik guru sebagai penerima kurikulum dan konsepsi tugas mengajar apa yang telah ditetapkan dalam modul.

b) Proses Pengajaran Yang Terarah

Pengajaran lebih berfokuskan pendidik guru sendiri dan gaya pengajaran yang berpusatkan pengetahuan. Kaedah soal jawab diutamakan dan penglibatan aktif guru peserta kursus kurang.

c) Pembelajaran Yang Terpisah

Tumpuan pada pencapaian dan penghasilan PPP, maka GPK tumpu pada pemerolehan maklumat tanpa memahami secara menyeluruh KLGSB sendiri.

5.2 Jurang antara hasrat dan pelaksanaan KLGSB:

1. Pendekatan yang rigid – dikongkong oleh penghasilan tugas, sukatan pelajaran dan modul yang dibekalkan. masih terikat kaedah biasa (Abdullah dan Mokhtar) menjurus kepada bilik kuliah.
2. Halangan melaksanakan pengajaran yang lebih berkesan – ‘workload’ yang banyak, Bilangan waktu mengajar yang banyak hingga 16 jam seminggu serta kekurangan insentif.
3. Kekurangan refleksi terhadap proses p & p (kurang kraf professional – Abdullah, Mokhtar & Sitarasu) – tiada pengkhususan dalam bidang berkaitan. Fokus pada pendidik guru sendiri.
4. Kelemahan pendidik guru dalam mengimbangi kurikulum formal dan tersirat. (Tiada pendedahan sebagai pendidik guru bestari)

5.3 Implikasi Kajian:

- a) Profesionalisme pendidik guru – ubah sikap dan tingkatkan komitmen professional diri.

- b) Kepercayaan Pendidik Guru – banyak pengaruhi pelaksanaan KLGSB.

5.4 Cadangan kajian:

1. Penyerapan KLGSB dalam kurikulum latihan guru sedia ada.
2. Latihan dalam perkhidmatan – tingkatkan profesionalisme pendidik guru dan guru.
3. Penyebaran maklumat lebih berkesan.
4. Pemilihan calon peserta kursus
5. Memanjangkan tempoh kursus.

6.0 Sumbangan Dapatan Kepada Bidang Pendidikan

Setiap program yang dilaksanakan bergantung kepada pelaksanaannya. Dalam konteks maktab perguruan ialah pendidik guru. Setiap pendidik guru adalah menjurus kepada kepercayaan, sikap dan nilai peribadi beliau. Dalam latihan bukan sahaja kandungan program tetapi juga tumpuan jugakepada kepercayaan, nilai dan sikap orang yang melaksanakannya.

Pelaksanaan sesuatu inovasi kurikulum bergantung kepada pemikiran pelaksana dan ini menghalang atau menyuburkan sesuatu program itu. Tumpuan bukan sahaja kepada program sebagai satu bentuk inovasi malah perlu juga menginovasikan pelaksana itu sendiri. Perlu mengambil kira aspek kepercayaan, nilai dan sikap kerana ia menjadi perantara kepada kurikulum.

Kata Nik Azis Nik Pa (1989): Kepercayaan, Nilai dan Sikap memberi kesan yang besar kepada P & P. Kepercayaan, sikap dan nilai terhadap mata pelajaran yang diajar, konsepsi terhadap P & P mata pelajaran tersebut, kepercayaan terhadap apa yang boleh dipelajari oleh setiap orang murid merupakan halangan terhadap reformasi pendidikan. (Ruj. ms. 146).

Bibliografi:

- Azizah Abdul Rahman (1987). *Curriculum innovation in Malaysia: The case of the KBSR*. Disertasi (Ph.D), University London: Institute of Education.
- Bahagian Pendidikan Guru (1998a). *Draf Kurikulum Kursus Dalam Perkhidmatan 14 Minggu: Latihan Guru Sekolah Bestari*, Edisi Ketiga, Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Borg dan Gall (1993). Dalam Bahagian Pendidikan Guru, *Kajian Keberkesanan Kurikulum Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI) Institut/Maktab Perguruan Malaysia*, Kuala Lumpur:Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Brown, S. & McIntyre, D. (1993). *Making Sense Of Teaching*. USA:Open University Press.
- Charlesworth, J.D. (1975). Educational Change in Malaysia: A Case Study Of The Implementation Of Curriculum Innovation. *Ph.D. Thesis*. University Of Kentucky.
- Clark C.M. & Yinger R.J. (1977). Research on Teacher Thinking. *Curriculum Inquiri*, 7(14).
- Clark.C. dan Peterson, P. (1986). Teachers' Thought Processes. Dalam Wittrock, M.C. (ed.). *Handbook of Research on Teaching*, Edisi ke 3, New York:Macmillan Publishing Company.
- Cohen, L dan Manion, L (1986). *Research Methods In Evaluation*. London:Crom Helm.
- Fitch dan Fisher (1979). Dalam Zurida Ismail dan Ismail Jusoh. *Tanggapan Terhadap Pendidikan Sains dan Teknologi Serta Sikap Dan Kepercayaan Guru Besar Dan Guru Sains Sekolah Rendah Terhadap Sains Dan Pengajaran Sains*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Floden, R.E. & Klinzing, H.G. (1990). What can research on teacher thinking contribute to teacher preparation? A second opinion. *Educational Researcher*, 19(5).

- Franz., & Enochs, L.G. (1982). Elementary School Science: State certification requirements in science and their implications. *Science Education*, 66, 287-292.
- Guba, E.G. dan Lincoln, Y.S. (1981). *Effective Evaluation*. San Francisco: Jossey-Bass Publishers.
- Hafidah Mohamed, (2000). *Pemikiran guru cemerlang: Implikasinya terhadap perkembangan profesionalisme guru*. Disertasi Ph.D.Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.
- Haris Md Jadi, (1993:a). Implementing a National Curriculum: Tradition vs Change: *Pacific Asian Education.*, 5(2)
- Haris Md Jadi, (1993:b). *Persepsi Mata Pelajaran Sejarah Dalam Menangani Cabaran Wawasan 2020*, Kertas Kerja Dalam Seminar Pelaksanaan Sukatan Pelajaran Sekolah Menengah Rendah Rendah, KBSM, 11-13 Mei 1993.
- John., P., (1991).The Professional Craft Knowledge of the History Teaching, *Teaching History*. 8-12.
- Kerlinger, F. (1973). *Foundation of Behaviour Research*. New York: Holt Rinehart & Winston.
- Koballa, & Crawley. (1985). Dalam Zurida Ismail dan Ismail Jusoh (1997). *Tanggapan Terhadap Pendidikan Sains dan Teknologi Serta Sikap Dan Kepercayaan Guru Besar Dan Guru Sains Sekolah Rendah Terhadap Sains Dan Pengajaran Sains*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Lee Lai Guan dan Zuber Hassan (1998). Kajian Penilaian Pelaksanaan Kursus Dalam Perkhidmatan (KDP)14 Minggu Latihan Guru Sekolah Bestari, *Institut Perguruan Darul Aman, Kedah*.
- Miles, M.B. (1965). *Planned Change And Organisational Health:Figure and Gound*. Dalam R.O. Carlson, Change Processes In The Public Schools, *Oregon:The Centre For The Advanced Study Of Educational Administrations*.
- Napsiah Mahfoz (1983). The Role Of Key Teachers In The Implimentation Of A New History Curriculum In Malaysia. A Study Of Perception. *Ph.D. Thesis*, University Of British Columbia.
- Nik Azis, N.P. (1996). Konsep Maktab Perguruan Bestari, *Jurnal Pendidikan Guru, Bil.11/1996*, Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Noraini Mohd Salleh (1992). *Pelaksanaan Inovasi: Implikasinya Ke Atas Perancangan Kurikulum Dan Penyelidikan*. Kertas Kerja Seminar Kurikulum Kebangsaan I, *Kuala Lumpur: Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya*.
- Noor Azmi Ibrahim (1988). In Service Courses and Teachers Professionalism: The Implimentation of KBSR in Malaysia. *Ph.D Thesis*. Brighton, UK: University of Sussex.
- Oberg, A., (1986). Using Construct Theory as a Basis for Research Into Teacher Professional Development, *Journal Of Curriculum Studies*, 17 (2).
- Raynor, J. (1972). The Curriculum, The Teacher and The Child. *The Curriculum : Context, Design and Development*. UK: The Open University Press.
- Schubert, W.H. (1986). *Curriculum : Perspective, paradigm, and possibilities*. New York:MacMillan.
- Sharifah Maimunah Syed Zain & Lewin, K.M. (1991). Curriculum Development in Malaysia dalam C. Marsh & D Morris, *Curriculum Development in Asia*, UK: The Falmer Press.
- Shavelson, R.J. & Stern, P.(1981). Research on teacher's pedagogical thoughts, judgements, decisions, and behavior. *Review of Educational Research*, 51.455- 498.
- Shulman, L.S., (1986). 'Those who understand: Knowledge growth in teaching', *Educational Researcher*, 15,4. 4-14.
- Shulman, L.S. (1987). *Knowledge and Teaching Foundation of The New Reform*. Harvard Educational Review. *Vo. 57, No.1. Februari*.

- Siti Hawa Ahmad. (1997). *Sekolah Bestari Malaysia: Mereka Semula Sistem Pendidikan Negara*. Kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar Sekolah Bestari. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Tan Ai Hoon (1997). *Kurikulum Sejarah KBSM: Kajian Pemikiran Guru Terhadap Pernyataan Hasrat dan Pelaksanaannya*. Tesis Sarjana Pendidikan yang tidak diterbitkan. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Taylor, P.H., Reid, W.A., Holley, B.J. & Exon, G.(1974). *Purpose, Power and Constraints in The Primary School Curriculum*. London:Macmillan Education.
- Zainal, G. (1988). *Curricular decision making in diffusion of educational innovation in Malaysia*. Unpublished Ph.D. thesis, University of Southampton, United Kingdom.